

# PM arah JAKIM banteras aliran rosakkan akidah

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan agensi penguat kuasa mengambil tindakan serius dan bersepadu bagi menyasat serta membanteras segala bentuk aliran yang menyimpang sehingga

ke akar umbi.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu perlu kerana ia menyentuh soal pemikiran dan beberapa aliran yang menyimpang daripada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah

Katanya, Kerajaan MADANI mengambil serius perkara

berkenaan yang menyentuh pegangan akidah dan syariat umat Islam di negara ini.

“Moga Allah melindungi kita dan negara ini daripada sebarang bahaya dan ancaman yang menyimpang dan boleh merosakkan pegangan sebenar akidah dan syariat

kita,” katanya dalam kenyataan selepas mengadakan pertemuan bersama pegawai tertinggi JAKIM untuk berbilang beberapa perkara terkait hal ehwal agama Islam di negara ini.

Pertemuan itu disifatkan penting dalam usaha menga-

mbil kira perkembangan mutakhir khususnya mengenai prospek ekonomi dalam sektor halal di dalam dan luar negara, yang menagih kebersamaan di antara agensi Persekutuan bagi membantu merencanakan lagi industri halal negara ini.